



11 NOV, 2024

Pengeluar keluli tempatan diasak persaingan tak adil

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Pengeluar keluli tempatan diasak persaingan tak adil

Malaysia perlu lindungi industri daripada gangguan import harga rendah

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Malaysia perlu lebih bertegas melindungi pasaran keluli tempatan daripada persaingan tidak adil dan masalah import secara haram yang kian menekan pengeluar tempatan.

Pengerusi Eksekutif Mycron Steel Bhd, Tunku Datuk Yaacob Khyra, berkata Malaysia boleh melihat contoh dari negara lain yang mengambil tindakan tegas untuk melindungi industri tempatan mereka seperti Indonesia yang mengenakan tarif tambahan dan menetapkan kuota ke atas import untuk melindungi pasaran domestik.

Beliau berkata, negara Amerika Utara, Kanada, Amerika Syarikat (AS) dan Mexico pula mengenakan tarif ke atas import dari China dan Vietnam untuk

mengatasi harga yang tidak adil bagi menyokong industri tempatan mereka.

"Malah, negara seperti Korea, dan Jepun sedang mempertimbang atau melaksanakan langkah antilambakan terhadap barangan tertentu dari China dan Vietnam," katanya kepada BH.

Mycron Steel adalah satu-satunya pengeluar keluli Bumiputera ketika ini dan tahun ini menyambut ulang tahun ke-55 Melewar Steel Tube dan ke-35 Mycron Steel CRC.

Tunku Yaacob berkata, langkah ini mencerminkan trend global dalam melindungi industri tempatan daripada gangguan pasaran akibat import berharga rendah.

Menurutnya, Malaysia juga perlu mengambil pendekatan serupa untuk memastikan pengeluar tempatan tidak terjejas dan dapat terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara serta mencipta pekerjaan.

"Bagi melindungi industri keluli tempatan, saya percaya kerajaan perlu mengambil pendekatan yang lebih proaktif menangani ancaman import ini.

"Apabila kilang tempatan terjejas, sukar untuk memulihkan keadaan kerana kesan jangka panjang yang ketara.

"Apa yang kita perlukan adalah tindakan segera apabila muncul tanda-tanda import yang dijual pada harga rendah atau dilambakkan ke dalam pasaran. Pendekatan proaktif ini penting untuk memastikan kerosakan dicegah sebelum ia berlaku," katanya.

Tunku Yaacob berkata, beliau mengiktiraf usaha baik Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) terutama Tunku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Liew Chin Tong, yang menunjukkan kesedaran mendalam terhadap cabaran yang dihadapi industri.

Katanya, penubuhan Jawatankuasa Bebas dan Khas untuk mengkaji dan menyusun semula hala tuju strategik industri besi dan keluli Malaysia adalah tanda

komitmen mereka.

Ambil tindakan pantas

"Saya yakin dengan sokongan mereka untuk memastikan kelestarian industri kita. Namun, kita perlukan tindakan lebih pantas, terutama dalam menangani import haram yang memintas duti antilambakan dan peraturan import.

"Amalan ini menjejaskan pasaran dan mewujudkan persaingan yang tidak adil bagi pengeluar tempatan," katanya.

Beliau berkata, pengeluar Malaysia, khususnya dalam industri keluli, menghadapi kekangan kos yang besar berbanding pesaing serantau seperti Vietnam.

Sebagai contoh, katanya gaji minimum di Vietnam jauh lebih

rendah berbanding Malaysia (antara RM600 hingga RM860) dan tarif elektrik negara itu juga lebih murah.

"Faktor ini memberikan pengeluar Vietnam kelebihan besar, membolehkan mereka mengeksport produk pada harga lebih rendah.

"Ini menyebabkan keadaan persaingan yang tidak seimbang dan sangat mencabar bagi pengeluar tempatan. Saya mohon tindakan tegas untuk menangani isu ini, khususnya dalam mencegah penyeludupan dan memastikan pengimport tidak memintas duti yang bertujuan melindungi pasaran kita," katanya.

Tunku Yaacob menambah, industri tempatan perlu dilindungi daripada amalan tidak adil ini supaya kemampuan industri Malaysia kekal terjamin untuk masa hadapan.

"Mycron, sebagai syarikat tempatan, menanggung kos yang lebih tinggi seperti gaji minimum, kos tenaga, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), semua ini selaras dengan agenda negara untuk meningkatkan pendapatan dan menyokong aspirasi Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)," katanya.

“Kita perlukan tindakan lebih pantas, terutama dalam menangani import haram yang memintas duti antilambakan dan peraturan import”

Tunku Yaacob Khyra,
Pengerusi Eksekutif Mycron Steel Bhd





11 NOV, 2024

Pengeluar keluli tempatan diasak persaingan tak adil

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Malaysia perlu lindungi industri daripada gangguan import harga rendah

Malaysia perlu lebih bertegas melindungi pasaran keluli tempatan daripada persaingan tidak adil dan masalah import secara haram yang kian menekan pengeluar tempatan. Pengerusi Eksekutif Mycron Steel Bhd, Tunku Datuk Yaacob Khyra, berkata Malaysia boleh melihat contoh dari negara lain yang mengambil tindakan tegas untuk melindungi industri tempatan mereka seperti Indonesia yang mengenakan tarif tambahan dan menetapkan kuota ke atas import untuk melindungi pasaran domestik.